



SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	2/4/2021	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	TNB			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Rayu stesen janakuasa hidroelektrik di Chini

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamulia.com.my

PEKAN: Penduduk di Felda Chini di sini merayu kepada kerajaan khususnya Tenaga Nasional Bhd. (TNB) supaya membina sebuah stesen janakuasa hidroelektrik untuk keperluan lebih 20,000 pengguna di kawasan tanah rancangan berkenaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, peneroka Felda Chini 1, Abdul Ghafar Abdul Hamid, 67, berkata, buat masa ini, bekalan tenaga elektrik kepada pengguna di tanah rancangan berkenaan adalah dari stesen hidroelektrik di Muadzam Shah, Rompin.

“Bagi menampung keperluan pengguna di Felda Chini ini, saya merasakan sudah sampai masanya kita di sini pun memiliki sebuah stesen janakuasa hidroelektrik sendiri, mini pun sudah memadai.

“Ia merupakan satu keperluan, jika tidak, menjelang bulan Ramadan ini, baru hendak suap nasi sahaja, bergelap

(tiada elektrik) sampailah ke solat tarawih, itu yang berlaku selalu pun,” katanya di sini semalam.

Abdul Ghafar berkata, tanah rancangan itu sudah mempunyai sebuah stesen janakuasa elektrik di Felda Chini 4, namun, hampir 10 tahun tidak beroperasi.

“Apa yang kita mahukan bukan pengoperasian semula stesen janakuasa itu, tetapi sebuah stesen janakuasa hidroelektrik seperti di Muadzam Shah.

“Jika dikira pengguna di tanah rancangan ini yang melebihi 20,000 orang, adalah wajar kita di sini memiliki stesen janakuasa hidroelektrik,” katanya.

Beliau menegaskan, jika tidak, masalah gangguan bekalan elektrik pasti akan berlaku setiap bulan, sekali gus membebankan penduduk di situ.

“Jika kira-kira satu jam tidak ada masalah lagi, tapi kadang-kadang gangguan yang berlaku dua ke tiga hari baru bekalan itu pulih,” katanya.



PENDUDUK berharap stesen janakuasa hidroelektrik mini dibina bagi menggantikan stesen janakuasa elektrik sedia ada di Felda Chini 4 di Pekan, Pahang yang lebih 10 tahun tidak beroperasi.